

# **PEMBENTUKAN JATI DIRI DI KANAK-KANAK MELALUI TEKS ADIK SAYANG PANTUN**

NORDIANA AB JABAR\*  
MOHD SAIPUDDIN SULIMAN\*\*  
SURAYA SUKRI\*\*\*  
AINUL WAHIDA RADZUAN\*\*\*\*  
SITI NUR ANIS MUHAMMAD APANDI\*\*\*\*\*

nordiana.aj@umk.edu.my\* (*Penulis Koresponden*), saipuddin.s@umk.edu.my\*\*, suraya@umk.edu.my\*\*\*,  
ainul@umk.edu.my\*\*\*\*, nuranis.m@umk.edu.my\*\*\*\*\*

## **Abstrak**

Pantun kanak-kanak merupakan sejenis puisi tradisional Melayu. PKK bukan sekadar memberi hiburan tetapi juga memberi pengajaran dan pendidikan serta mampu membentuk jati diri kanak-kanak menjadi seseorang yang berkeperibadian tinggi. Selain itu, PKK juga dicipta dengan bentuk yang ringkas seiring dengan meningkatkannya usia kanak-kanak yang gemar akan bahasa yang mudah dan berirama. Justeru itu, kajian ini akan menggunakan teks kumpulan pantun kanak-kanak yang berjudul *Adik Sayang Pantun* oleh Ismail Restu yang diterbitkan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia pada tahun 2014 di Kuala Lumpur. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menambah baik hasil kelomongan daripada kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas. Hal ini kerana pengkaji dapat kajian mengenai pemberdayaan jati diri kanak-kanak menerusi pantun kanak-kanak masih lagi kurang dilakukan oleh pengkaji lepas. Seterusnya, objektif utama dalam kajian ini adalah mengenal pasti pantun yang membentuk jati diri kanak-kanak dalam teks Adik Sayang Pantun dan menganalisis keindahan pantun kanak-kanak berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu. Oleh itu, dalam dapatan kajian akan mengetengahkan beberapa tema seperti tema pantun berbudi bahasa (PBB), pantun ii menghormati (PMH), pantun bersopan santun (PBS), pantun menolong (PMG), pantun penghayatan warisan (PPW) dan pantun kebudayaan kaum (PKK) dalam membentuk jati diri kanak-kanak serta mengaplikasikan teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh dalam melihat keindahan PKK. Oleh yang dikatakan sedemikian, kajian ini akan membuka mata masyarakat bahawa PKK sangat sesuai diletakkan dalam silibus mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah sekali gus dapat dijadikan wadah dalam membentuk jati diri kanak-kanak.

**Kata kunci:** Pemberdayaan jati diri, pantun kanak-kanak, teori Puitika Sastera Melayu

Dihantar : 13 September 2022

Disemak : 25 September 2022

Diterbit : 30 September 2022

- 
- \* Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Warisan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan, 16300  
\*\* Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Warisan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan, 16300  
\*\*\* Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Warisan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan, 16300  
\*\*\*\* Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Warisan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan, 16300  
\*\*\*\*\* Pensyarah di Jabatan Pengajian Warisan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan, 16300



# **THE FORMATION OF SELF - IDENTITY IN CHILDREN THROUGH THE TEXT OF “ADIK SAYANG PANTUN”**

NORDIANA AB JABAR\*  
MOHD SAIPUDDIN SULIMAN\*\*  
SURAYA SUKRI\*\*\*  
AINUL WAHIDA RADZUAN\*\*\*\*  
SITI NUR ANIS MUHAMMAD APANDI\*\*\*\*\*

nordiana.aj@umk.edu.my\* (*Corresponding Author*), saipuddin.s@umk.edu.my\*\*, suraya@umk.edu.my\*\*\*,  
ainul@umk.edu.my\*\*\*\*, nuranis.m@umk.edu.my\*\*\*\*\*

## **Abstract**

Children's poems (PKK) are a type of traditional Malay poetry. PKK does provide not only entertainment but also teaching and education. It also moulds children's identity into someone with a high personality. In addition, PKK was also created in a simple form along with the increasing age of children fond of simple and rhythmic language. Therefore, this study will use the text from a collection of children's poems entitled "Adik Sayang Pantun" by Ismail Restu, published by the Malaysian Translation and Book Institute in 2014, Kuala Lumpur. This study was conducted to improve the gap from previous studies. It is because the researcher found that a study on the formation of self-identity in children is still lacking. Next, the main objective of this research is to identify the poems that shape the sense of identity in children from the text and to analyze the beauty of children's poems based on the theory of "Puitika Sastera Melayu". Eventually, the findings of the study will highlight several themes such as polite poems (PBB), respectful poems (PMH), polite poems (PBS), helpful poems (PMG), heritage appreciation poems (PPW) and ethnic, cultural poems (PKK) in shaping children's identity through the lense of "Puitika Sastera Melayu" by Muhammad Haji Salleh as a theoretical foundation in seeing the beauty of PKK. With that being said, this study will open the eyes of the public that PKK is very suitable to be placed in the syllabus of Malay language subjects in schools and eventually can be used as an instrument for the formation of a sense of identity in children.

**Keywords:** Self-empowerment, children's poems, Malay Literary Poetic theory

Submitted : 13 September 2022

Revised : 25 September 2022

Published : 30 September 2022

\* Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Warisan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan 16300

\*\* Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Warisan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan 16300

\*\*\* Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Warisan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan 16300

\*\*\*\* Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Warisan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan 16300

\*\*\*\*\* Pensyarah di Jabatan Pengajian Warisan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan 16300



## 1.0 PENGENALAN

Pantun merupakan puisi tradisional yang telah lama dikenali dalam kalangan orang Melayu sejak zaman dahulu lagi. Menurut Harun Mat Piah (1989), telah mendefinisikan pantun melalui aspek dalaman dan aspek luaran atau struktur visualnya. Aspek dalaman pantun adalah isi iaitu tema dan persoalan dan juga mempunyai unsur estetik. Pada zaman dahulu, pantun telah menjadi medium perantaraan sebagai alat tradisi lisan dalam berkomunikasi. Hal ini demikian kerana, untuk menjadikan sesebuah ucapan itu lebih menarik dan indah. Pantun adalah sangat lazim dan sangat terkenal dalam jiwa orang Melayu dan ini akan dapat membuktikan bahawa orang Melayu tidak lari dengan elemen keseniannya dan kebudayaannya tersendiri dalam kehidupan masyarakatnya. Melalui pantun juga ia dapat menzahirkan pengalaman, emosi, dan juga pemikiran sama ada dalam berbentuk rangkap, kuplet dan juga makna keseluruhan isi di dalam pantun tersebut. Bukan itu sahaja, pantun ini juga adalah bertujuan mengulas tentang masyarakat, kasih sayang, budi bahasa dan sebagainya.

Namun begitu, ciri-ciri pantun adalah terdiri daripada pembayang, dan maksud dengan ritma a-b-a-b. Ini adalah kerana untuk memudahkan pantun dikenali berbanding dengan puisi tradisional. Tiap bait mempunyai 4 baris, dan tiap baris mempunyai 8 hingga 12 suku kata. Dua baris terakhir adalah isi yang merupakan tujuan daripada pantun tersebut.

Akhir sekali, pantun ini telah menunjukkan tentang keindahan dan kesenian kata dalam khazanah Bahasa Melayu serta falsafah masyarakat Melayu tradisional yang mempunyai seni dan cipta pemikirannya yang baik. Secara ringkasnya pantun ini telah membuktikan keadaan kehidupan sebenar dan keadaan seluruh alam. Sebagai contoh yang dapat dilihat adalah dalam kehidupan masyarakat Melayu terdapat tanah serta kebun, alam, bukit, lautan, buah-buahan, sungai dan segala bentuk tradisi dan peralatan yang mempunyai tinggi nilai seninya.

## 2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah untuk :

- i) Mengenal pasti pantun yang membentuk jati diri kanak-kanak dalam teks Adik Sayang Pantun.
- ii) Menganalisis keindahan pantun kanak-kanak berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu.

## 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis teks pantun dan kepustakaan. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan maklumat dengan melawati perpustakaan yang berdekatan dengan pengkaji. Kaedah kepustakaan merupakan sebuah kaedah yang wajib digunakan oleh semua penyelidik atau penulis kerana kaedah digunakan untuk mendapatkan bukti dan data yang jelas berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan ini melalui dua platform iaitu melalui atas



talian serta luar talian. Melalui atas talian pengkaji menggunakan perpustakaan secara atas talian, Manakala melalui luar talian pengkaji mencari sumber di perpustakaan yang berdekatan dengan pengkaji. Justeru, bagi kaedah analisis teks pula merujuk kepada teks yang dipilih oleh pengkaji iaitu teks "Adik Sayang Pantun" oleh Ismail Restu.

Seterusnya, menerusi kajian ini juga pengkaji telah mengaplikasikan teori Puitika Sastera Melayu bagi memantapkan lagi daptan dan analisis. Teori Puitika Sastera Melayu merupakan salah satu teori yang dikemukakan oleh Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh pada tahun 2000. Menurut pendapat beliau kita tidak akan mungkin dapat memahami sastera sesuatu bangsa tanpa mengetahui tentang puitika sasteranya. Teori ini menekankan tentang hubungan antara pengarang dengan karya teks yang dihasilkan. Hal ini dikatakan demikian kerana ia menghuraikan tentang definisi dan istilah sastera, fungsi sesebuah sastera, penggunaan kata-kata yang indah-indah dan pembahagian genre sastera. Teori ini juga banyak menyentuh aspek genre, teks, bahasa, estetika, pengarang dan khalayak sastera. Oleh itu, perkara ini jelas membuktikan bahawa teori Puitika Sastera Melayu ini merupakan sebuah teori Kesusteraan yang memfokuskan kepada bahasa yang digunakan dalam sesebuah karya sastera.

## 4.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pantun dicipta untuk memenuhi pelbagai fungsi dan keadaan yang berlaku di sekelilingnya. Hal ini menurut Alwi Salim (1983) kegunaan pantun meliputi semua perkara iaitu untuk mendidik seperti menasihati atau membentuk moral yang baik terutamanya dalam kalangan kanak-kanak. Seterusnya, keindahan bermaksud kecantikan. Kebanyakan pantun menekankan nilai keanehan bagi melihat pantun itu kelihatan unik dan menarik. Teori puitika sastera Melayu sebagai teori sastera tempatan yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh (1989) dan salah satu kekuatan dan keunggulan kesusteraan Melayu Klasik. Hal ini kerana, nilai yang digambarkan di dalam karya-karya kesusteraanannya kelihatan indah. Justeru itu, teori ini banyak membantu pembaca atau pengkritik meneroka karya-karya kesusteraan Melayu bagi mengangkat nilai keindahan pantun di samping mencari makna di sebalik keindahan teks. Teori puitika sastera Melayu memberi kekuatan dari segi pengkarya cuba mengangkat nilai keindahan teks pantun di samping mencari makna di sebalik keindahan yang berhubung kait dengan budaya, sikap, pandangan hidup, alam sekitar dan sejarah masyarakat Melayu itu sendiri. Dalam karya sastera seperti sajak, pantun dan lain-lain pengarang akan menggunakan bahasa yang indah dalam penghasilannya kerana setiap bahasa yang digunakan mencerminkan keindahan sesebuah karya tersebut. Oleh itu, dalam analisis ini pengkaji akan mengaitkan keindahan pantun kanak-kanak dengan mengaplikasikan teori puitika sastera Melayu.

### 4.1 Kategori Jati Diri

#### 4.1.1 Pantun Bersopan Santun

Bersopan santun membawa maksud menunjukkan sikap sopan santun atau berkelakuan baik dan lemah lembut tutur bicaranya. Bersopan santun juga merupakan sebuah aspek penting dalam membentuk jati diri atau peribadi mulia masyarakat dan kanak-kanak yang dikatakan beradat dan budi bahasa juga tidak boleh dijual beli tetapi harus dipupuk dalam masyarakat sejak kecil lagi. Seterusnya, dalam masyarakat Melayu sudah menjadi adat apabila berselisih dengan orang sentiasa melemparkan senyuman. Justeru itu, dalam Islam juga menyuruh untuk bersopan santun terhadap ibu bapa dan orang yang berada di sekeliling kerana tingkah laku yang baik



mencerminkan keperibadian seseorang individu. Menurut pandangan Basmeih (2000) seseorang itu hendaklah bersopan santun terhadap kedua-dua orang tua dan jika mereka telah lanjut usianya, maka janganlah biadab dengannya. Oleh yang dikatakan sedemikian, pantun yang mengetengahkan sikap bersopan santun tersebut ialah:

Pokok nangka di tepi parit,

Jangan suka terjerit-jerit.

( Teks Adik Sayang Pantun: 3)

Oleh itu, berdasarkan pantun di atas dapat dirumuskan bahawa haruslah sentiasa peka dengan keadaan sekeliling dan bersopan santun bila bercakap dengan orang yang lebih tua terutamanya bercakap dengan ibu bapa. Selain itu, Za'ba (1950) berpendapat masyarakat Melayu akan memandang rendah terhadap orang yang suka menjerit-jerit apabila bercakap seolah-olah orang dilawan bercakap itu adalah pekak. Justeru itu, ibu bapa juga perlu memainkan peranan penting dalam memberi didikan kepada kanak-kanak kerana mereka adalah golongan yang mudah terpengaruh. Melalui sikap sopan santun yang ditunjukkan oleh golongan dewasa ini akan mempengaruhi kanak-kanak untuk turut bersikap baik. Sebagai contoh hal ini juga dapat dilihat menerusi pantun di bawah:

Orang hulu pulang ke Hulu,

Kita perlu senyum selalu.

( Teks Adik Sayang Pantun: 3)

Oleh yang demikian, pantun bersopan santun antara pantun yang mampu membentuk jati diri kanak-kanak kerana pantun bukan sahaja digambarkan sebagai bahan jenaka tetapi ia juga berperanan sebagai nasihat. Justeru itu, dapat dilihat pantun di atas bertujuan untuk memberitahu kanak-kanak walaupun kita tidak mengenali seseorang tetapi apabila berselisih perlulah sentiasa senyum kerana perbuatan itu akan disukai oleh masyarakat. Selain itu, sikap sopan santun yang ditunjukkan dapat mencerminkan keperibadian dan maruah keluarga juga akan dipandang tinggi kerana dapat mendidik anak-anak menjadi insan yang bersopan santun serta baik budi bicaranya. Oleh itu, jelaslah bahawa pantun merupakan sebuah karya sastera yang boleh dijadikan wadah yang mampu membina masyarakat bersahsiah dan berakhlik terpuji. Dapat dilihat juga melalui contoh pantun di bawah :

Datuk penghulu pergi ke pasar,

Jangan lalu secara kasar.

( Teks Adik Sayang Pantun: 4)

Kayu dibelah di hujung desa,

Bersopan santunlah setiap masa.



( Teks Adik Sayang Pantun: 5)

Berdasarkan pantun tersebut, dapat dirumuskan bahawa sentiasa bersopan santun setiap masa supaya hidup disenangi serta dihormati oleh masyarakat. Menurut Basmeih (2000) ketika interaksi sesama manusia, seseorang dituntut agar bertutur dengan lemah lembut supaya kita terhindar daripada hasutan syaitan. Maka, dengan ini sewajarnya mengamalkan amalan bersopan santun ini dalam kehidupan sehari-hari supaya hidup akan dihormati. Kanak-kanak juga merupakan insan yang menjadi penerus kepada generasi yang akan datang. Oleh itu, sewajarnya memberikan didikan yang mantap kepada mereka salah satunya melalui ungkapan pantun dan secara tidak langsung juga dapat memelihara warisan pantun tradisional.

#### 4.1.2 Pantun Menolong

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), menolong membawa maksud saling bantu-membantu antara satu sama lain yang memerlukan pertolongan. Hal ini juga selaras dengan agama Islam yang menjelaskan nilai menolong sangat digalakkan dalam Islam supaya dapat membentuk masyarakat yang bertoleransi dan tidak meninggikan diri sendiri. Seperti mana firman Allah S.W.T dalam surah Al Maidah yang bermaksud “Dan tolong-menolonglah kamu dalam mengerjakan takwa dan kebaikan dan janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya azab Allah amat berat”. Oleh itu, sebagai masyarakat yang tidak meninggikan diri sendiri haruslah memupuk sikap ini dalam diri kerana ia boleh membentuk sebuah masyarakat yang harmoni. Selain itu, pantun tolong menolong ini juga merupakan salah satu aspek yang boleh membentuk jati diri kanak-kanak kerana ia dapat mengaplikasikan tingkah laku yang disampaikan melalui pantun dalam kehidupannya. Sebagai contohnya :

Pergi ke seberang membeli halia,

Menolong orang sangat mulia.

(Teks Adik Sayang Pantun: 5)

Pemikiran yang disampaikan melalui pantun ini adalah tentang nilai tolong menolong. Nilai tolong menolong merupakan sebuah cerminan yang sangat penting untuk diamalkan dalam masyarakat Melayu kerana ia boleh membentuk masyarakat yang saling menghargai atas segala jasa dan pengorbanan pihak lain. Justeru itu, pantun ini juga menyeru masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak supaya sentiasa mengamalkan sikap tolong menolong kerana ia merupakan amalan yang sangat mulia di sisi Allah S.W.T. Maka, jelaslah di sini bahawa contoh pantun tersebut sesuai untuk mengungkapkan tentang kebaikan tolong menolong dan orang yang memberi pertolongan itu akan dihargai. Sebagai masyarakat yang bersikap tidak meninggikan diri sendiri, haruslah ringan tulang untuk menolong orang seperti yang dinyatakan pada rangkap pantun di bawah :

Membeli cincin di Tanjung Karang,

Hendaklah rajin menolong orang.

( Teks Adik Sayang Pantun: 5)



Berdasarkan pantun di atas, iaanya menggambarkan sebagai manusia yang budiman sifat tolong menolong ini haruslah diamalkan dalam kehidupan sehari-hari supaya kehidupan sentiasa dirahmati dan direndai Allah. Di samping itu, apabila seseorang sentiasa mengamalkan sikap tolong menolong dalam kehidupan, ia akan menerbitkan sebuah rasa yang sukar digambarkan dengan kata-kata apabila kehidupan itu dikelilingi masyarakat yang prihatin dan baik budinya. Allah S.W.T juga akan mengangkat darjat manusia yang bersikap tolong menolong ini. Seperti mana sabda Rasulullah SAW:

“Barang siapa yang menolong orang yang sangat memerlukan, maka Allah mencatatnya sebanyak tujuh puluh tiga keampunan yang mampu mengangkat darjat seseorang pada hari kiamat”

(Hadis Riwayat Bukhari dan Baihaqi)”.

Oleh itu, jelaslah di sini bahawa pantun di atas sangat sesuai untuk diterapkan dalam kehidupan kanak-kanak kerana yang disampaikan dalam pantun tersebut dijelaskan secara terang-terangan tentang sikap tolong menolong ini dan sebagai ibubapa haruslah menunjukkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak agar mereka apabila kelak dewasa dapat menjadi anak yang selalu menolong dan bertanggungjawab meringankan beban orang yang memerlukan pertolongan.

## 4.2 Puitika Dalam Kumpulan Teks Adik Sayang Pantun

### 4.2.1 Mainan Kiasan dan Saranan

Pantun terkenal dengan strategi pemaknaan yang canggih pada mata kasar serta mata hati khalayaknya. Hal ini dikatakan sedemikian, walaupun terdapat baris-baris yang menggambarkan secara langsung tetapi yang unggul ialah kesan dan makna yang disampaikan secara halus dan kiasan. Selain itu, citra yang digambarkan juga lebih bersifat, mengejek, menyentuh atau menggoda itu dikatakan lebih berseni dan lebih menepati nilai-nilai pantun yang baik (Muhammad Hj Salleh, 2006, p. 219). Seterusnya, bagi pantun dua kerat baris pertama adalah pembayang yang mana pembaca atau pendengar dipersiapkan bukan hanya dari segi pelayanan makna tetapi juga dari segi susunan muzik dan emosi dalam pantun tersebut. Namun begitu, teknik yang digunakan juga telah ditetapkan dan hanya yang peka, halus dan matang dapat digunakan. Justeru, perihal tentang kiasan membawa pembaca kepada dunia yang sebenar tetapi samar yang tergambar dalam dunia perasaan manusia seperti ia membawa pembaca dunia magis atau lebih kepada berimajinasi (Muhammad Hj Salleh, 2006, p. 220). Oleh itu, tidak dapat dinafikan mainan kiasan dan saranan menjadi suatu teknik yang disukai oleh setiap pengarang dan juga pembaca kerana dia ia dapat memberi keunikan dalam mengungkapkannya. Hal ini boleh dilihat menerusi pantun kanak-kanak di bawah:

Tinggi mengawan Gunung Daik,

Hendaklah berkawan dengan baik.

(Teks Adik Sayang Pantun: 6)



Berdasarkan petikan di atas pengarang menggunakan mainan kiasan dan saranan dalam pantun bertujuan untuk mengejek dengan menggunakan bahasa yang halus seperti pada baris pertama iaitu pembayang “Tinggi mengawan Gunung Daik”. Hal ini, dapat dilihat dengan jelas maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang ialah untuk menasihati supaya berhati-hati sebelum berkata. “Gunung daik” bermaksud lambang keperibadian dan kehalusan budi. Manakala bagi rangkap ke dua pula, “hendaklah berkawan dengan baik” pengarang cuba menggunakan citra manusia sebagai cerminan kepada pembayangnya yang mana ia membawa maksud supaya manusia menunjukkan adab yang baik dalam berkawan seperti kata pepatah jangan jadi “Bagai duri dalam daging”. Oleh itu, hal ini jelas menunjukkan bahawa pembayang akan mempengaruhi pendengar atau pembaca turut serta dalam memberikan makna pada baris-baris tersebut dan inilah yang dikatakan memberi tarikan utama kepada pembaca khususnya kanak-kanak. Hal ini diperkuatkan lagi menerusi petikan pantun di bawah:

Untuk maju usaha ditingkatkan,

Kalau bersetuju disebut berkenan.

( *Teks Adik Sayang Pantun*: 11)

Berdasarkan pantun di atas dapat dilihat bahawa pantun juga dipilih untuk upacara adat istiadat. Hal ini bertujuan untuk memberi kepekaan dan kehalusan sopan santun hubungan antara manusia sebagai contoh untuk meneka perasaan orang yang sedang dikunjungi seperti acara merisik. Sebagaimana yang tergambar dalam pembayang di atas berbunyi “untuk maju usaha ditingkatkan” yang mana pemikiran pada baris tersebut adalah untuk memberitahu pembaca atau pendengar jika bersungguh-sungguh ingin jadikan seorang gadis sebagai teman hidupmu haruslah menunjukkan sikap yang berani dan bersungguh-sungguh seperti berjumpa dengan ibu bapa mereka. Justeru itu, citra yang bersesuaian seperti asonasi bunyi, menggunakan suara yang lemah lembut dan sopan santun perlu dibawa semasa berjumpa dengan ibu bapa mereka. Hal ini bertujuan, untuk membuka pintu hati ke dua orang tua mereka. Maka, di sini jelas menunjukkan bahawa pentingnya sesebuah makna dan citra untuk diterapkan dalam kehidupan supaya kita dapat menghormati pendapat pihak lain dengan beradab. Oleh itu, bahasa kiasan serta saranan menjadi bahasa yang penting untuk digunakan agar dapat menghindarkan diri daripada mendapat malu.

#### 4.2 Sesuai dan Patut

Nilai keindahan yang sering ditemui dalam karya-karya sastera seperti pantun ialah kata “patut”. Melalui konteks umum patut adalah sesuai dengan keadaan atau tidak melawan arus serta tidak janggal. Seterusnya menurut Muhammad Hj Salleh (2006, p. 230) dalam istilah seni, patut bermaksud khusus yang sesuai dengan baris. Manakala, dalam konteks pantun patut membawa maksud terpilih yang mengikut kesesuaian keadaan. Walau bagaimanapun, istilah patut mengikut kefahaman Melayu adalah patut juga boleh sederhana dan tidak melebihi sempadan. Oleh itu, patut yang dijelaskan disini adalah sesuai untuk sesuatu konteks dan bertepatan dengan nilai kesederhanaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebiasaannya pengarang akan menggunakan pelbagai bentuk dan kata yang sesuai untuk mengaitkan antara kata dalam baris mengikut kesesuaian. Sebagai contohnya:



Sepasang burung membuat sarang,

Bercakap bohong dibenci orang.

( *Teks Adik Sayang pantun: 6* )

Melalui pantun di atas, dapat dilihat bagaimana pengarang mengaitkan kata yang sesuai dalam sebaris untuk menggambarkan bahawa sesiapa yang suka bercakap bohong akan disisih dan dibenci oleh orang lain. Justeru itu, kebanyakan pengarang akan menggunakan perkataan yang tidak melawan dengan maksud yang ingin disampaikan. Perkara ini dapat dilihat menerusi baris pantun “bercakap bohong dibenci orang”. Oleh yang demikian, perkataan bohong di sini membawa maksud suka menipu atau putar belit cerita. Justeru itu, perkataan dibenci membawa maksud tidak disukai orang kerana perbuatan atau tingkah lakunya. Penggunaan kata ini bersesuaian dengan keselarasan kata pada baris tersebut bahawa bercakap bohong dibenci orang. Hal ini jelas menggambarkan bahawa pengarang akan melihat kesesuaian kata atau patut dalam menghasilkan sesebuah pantun agar makna yang ingin diketengahkan sampai kepada khalayak. Untuk menguatkan lagi pernyataan di atas boleh dilihat pada contoh di bawah:

Pakaian puteri pelbagai warna,

Perbuatan mencuri sangat hina.

( *Teks Adik Sayang Pantun: 5* )

Berdasarkan pantun di atas, dapat dilihat pantun tersebut ingin memberitahu bahawa perbuatan mencuri adalah perbuatan yang sangat hina dan boleh mendatangkan keburukan kepada diri sendiri dan juga kepada orang-orang di sekeliling. Selain itu, disini pengarang ingin menjelaskan bahawa kesesuaian kata sangat mempengaruhi nilai yang ingin diketengahkan dalam baris tersebut. Namun begitu, kata-kata dalam baris pantun tersebut tidak melebihi sempadan maksud yang ingin disampaikan seperti mencuri adalah mengambil barang atau benda secara senyap dan sembunyi. Oleh itu, penggunaan teori puitika sastera Melayu adalah untuk melihat keindahan kata-kata yang digarapkan dalam sebuah karya seperti pemilihan kata dalam pantun. Seterusnya boleh dilihat juga pada rangkap pantun di bawah:

Bujang Lapuk bangun awal,

Jangan menyampuk orang berbual.

( *Teks Adik Sayang Pantun: 4* )

Berdasarkan pantun di atas perbuatan menyampuk ketika orang berbual adalah perbuatan yang tidak elok dan harus dijauhi. Justeru, dalam menghasilkan sesebuah pantun pengarang akan menggunakan kata yang sesuai atau patut dengan apa yang ingin disampaikan kepada khalayak pembaca atau pendengar. Hal ini boleh dilihat pada baris ke dua “jangan menyampuk orang berbual”, kesesuaian kata menyampuk diikuti dengan orang berbual adalah sangat sesuai. Oleh itu, sifat-sifat yang ditunjukkan membantu dalam menilai bahasa yang peka dengan citra kehidupan yang terjadi pada masa kini. Lantaran itu, pantun ini sangat sesuai kepada kanak-kanak membentuk jati diri kanak-kanak selain keindahan bahasa yang digunakan sesuai dan patut ia juga memberi didikan kepada kanak-kanak.



### 4.3 Keindahan Sama Ukuran

Keindahan pantun terletak pada nilai harmoni danimbangan yang menjadikan sesebuah pantun kelihatan baik. Menurut Muhammad Hj Salleh (2006, p. 226) nilai penting akan dimanifestasikan dalam bentuknya kerana bentuk juga menzahirkan keindahan sesebuah pantun. Oleh yang demikian, bentuk terdiri daripada baris-baris pembayang yang mempunyai jumlah suku kata yang sama ukuran, bunyi dan rentak. Kesemua ini akan terhasil oleh rima akhir yang sama dan menarik. Hal ini kerana, sebuah pantun diibaratkan seperti rumah yang cukup sempurna kerana sebuah pantun yang baik mempunyai keselarasan bentuk yang sama ukuran. Selain itu, dari segi struktur bentuk pada bahagian pertama haruslah berkait dengan baris ke dua. Contohnya, dapat dilihat di bawah :

Kampung Hulu indah permai,

Kompang dipalu beramai-ramai.

( *Teks Adik Sayang Pantun*: 27 )

Melalui penelitian pantun di atas, dapat dikatakan bahawa pengarang ingin memaparkan ukuran yang sempurna dalam pembayang dan maksud pantun tersebut. Namun, keunikan sesebuah pantun adalah bergantung kepada sama ukuran serta struktur binaan yang dihasilkan untuk menjadikan pantun yang indah dan berseni. Seterusnya, kesempurnaan ini dapat dilihat apabila pengarang menggarapkan jumlah kata pada baris pertama dan baris ke dua antara lapan hingga sepuluh suku kata. Hal ini kerana, sekiranya membaca pantun tersebut pembaca akan tertarik pada pergerakan atau permainan bunyi ayat di belakang seperti pada baris pertama “Permai” seakan sama sebutan dengan ayat pada baris ke dua “beramai- ramai”. Di sini dapat dilihat secara jelas bahawa sama ukuran menjadi salah satu perkara yang harus dititikberatkan oleh pengarang dalam menghasilkan sebuah pantun yang berirama dan berseni kerana pantun yang baik akan memenuhi ciri-ciri sesebuah pantun mengikut tuntutannya. Justeru, boleh dilihat juga pada rangkap pantun di bawah:

Diperbuat kerusi daripada kayu,

Anyaman tradisi orang Melayu.

( *Teks Adik Sayang Pantun*: 30 )

Melalui contoh pantun di atas boleh dilihat bagaimana sama ukuran diaplikasikan dalam pantun tersebut seperti bunyi irama pada akhir baris “kayu” dan “Melayu” seakan senada apabila menyebutnya. Selain itu, boleh dilihat bentuk ini juga terdiri daripada bahagian yang mempunyai makna yang seimbang atau seakan sama antara satu sama lain. Menurut Muhammad Hj Salleh (2006, p. 227) sama ukuran bukan sahaja terlihat pada pandangan mata tetapi juga dilihat pada apa yang disebutkan hampir-hampir dalam suatu silogisma. Oleh itu, sama ukuran yang digarapkan dalam sesebuah pantun bertujuan untuk memberi keindahan atau keunikan pada sesebuah pantun. Lantaran itu, sebagaimana yang diketahui pantun dua kerat antara pantun yang mudah difahami dalam golongan kanak-kanak dan hal ini secara tidak langsung akan membentuk jati diri mereka menjadi orang yang lebih menghargai khazanah warisan tradisional.



## 5.0 KESIMPULAN

Penelitian terhadap koleksi pantun yang terdapat dalam Teks Adik Sayang Pantun banyak memberi pendidikan dalam membentuk jati diri kanak-kanak untuk menjadi insan yang berakhhlak mulia dan indah budi bicaranya. Selain itu, diharapkan kajian ini dapat membuka mata masyarakat bahawa puisi tradisional seperti PKK mendatangkan kesan yang positif kepada kanak-kanak sekali gus memartabatkan bidang kesusastraan supaya terus relevan dalam masyarakat Melayu

### Rujukan

- A Halim Ali. (2018). *Inti Sari Teori Sastera (Barat dan Malaysia)*. m/s 182.
- Anuar Redzuan. (2013). *Hormat Menghormati*.
- Eizah Bt Mat Hussin. (2016). *Simbol dan Makna Dalam Pantun Melayu Bingkisan Permata*. Ph.D Thesis Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional :satu pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hashim Ismail. (2019). *Teori Puitika Sastera Melayu :Interpretasi dan Praktikaliti*.
- Ismail Restu (2014). *Adik Sayang Pantun*. Terbitan Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Jamilah Ahmad dan Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir. (2015). Sikap dan Tingkah Laku Gen Y Terhadap Amalan “Budi Bahasa, Budaya Kita”. *Malaysian Journal of Youth Studies, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rashid Md Idris. (2011). *Nilai Melayu Dalam Pantun*. Terbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2018). Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan dan Agensi Pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu Bil. 17 (2)*.
- Zainal Abidin Borhan. (2008). *Pantun Warisan Rakyat*. Terbitan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara .
- Zaiti Saibi. ( 24 March 2019). *Martabat Seni Muzik Tradisi*. Harian Metro, 56.

